

Penginterpretasian Emosi Berdasarkan Lakuan Pertuturan dalam Rancangan Komedi Sepahtu *Reunion Live* 2020

Emotions Interpreting based on Speech Acts in the Comedy Show Sepahtu Reunion Live 2020

Aminnudin Saimon* & Che Nur Aisyah Che Salehuddin
Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Kampus Pagoh, Muar, Johor, Malaysia

Submitted: 30/10/2024. Revised edition: 7/5/2025. Accepted: 14/5/2025. Published online: 28/5/20255

ABSTRAK

Lakuan pertuturan memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan emosi. Pembawakan suatu emosi mempengaruhi individu dari segi bahasa dan tingkah laku. Hal ini berkait dengan konteks dan situasi dalam memahami hubungan antara bahasa dan emosi. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis lakuan pertuturan dan perkaitannya dengan perkembangan emosi dalam rancangan komedi Sepahtu *Reunion Live* pada tahun 2020. Penyelidik hanya membataskan tiga episod sahaja. Kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks sebagai pendekatan kajian. Lakuan pertuturan yang dikenal pasti telah diklasifikasi dan dianalisis menggunakan teori lakuan pertuturan Searle (1969). Teori ini mengetengahkan lima lakuan, iaitu asertif, ekspresif, direktif, komisif dan deklaratif. Hasil kajian mendapati, empat jenis lakuan bahasa digunakan sepanjang tiga episod Sepahtu Reunion Live 2020, iaitu lakuan bahasa asertif, direktif, ekspresif dan komisif. Lakuan bahasa asertif merupakan lakuan yang paling dominan dan paling kerap digunakan, iaitu sebanyak 443 kekerapan, diikuti oleh lakuan bahasa direktif sebanyak 316 kekerapan. Seterusnya, lakuan ketiga yang kerap digunakan ialah lakuan bahasa ekspresif, iaitu sebanyak 91 kekerapan. Walau bagaimanapun, lakuan bahasa deklaratif tidak digunakan dalam rancangan ini. Dapatan ini menunjukkan lakuan bahasa asertif paling kerap digunakan kerana penyampaian konteks cerita yang dipersembahkan adalah untuk menyampaikan isu-isu semasa yang boleh dijadikan teladan dan manfaat buat masyarakat.

Kata kunci: Lakuan Pertuturan, interpretasi emosi, komedi, Sepahtu Reunion Live 2020, Searle (1969)

ABSTRACT

Speech acts play a significant role in emotional development. Carrying an emotion affects a person in terms of language and behavior. This is related to the context and situation in understanding the relationship between language and emotion. This study was conducted to identify and analyze speech acts and their relationship with emotional development in the comedy show Sepahtu Reunion Live in 2020. The researchers only limited three episodes. The research method used by the researcher is a qualitative method by using library research method and text content analysis as a research approach. The identified speech acts were classified and analyzed using Searle's (1969) language act theory. This theory highlights five speech act categories which are assertive, expressive, directive, commissive and declarative. The results of the study found that four types of speech acts were used throughout the three episodes of Sepahtu Reunion Live 2020, namely assertive, directive, expressive and commissive speech acts. Assertive language behavior is the most dominant and most frequently used behavior, with 443 frequencies, followed by directive language behavior with 316 frequencies. Next, the third act that is frequently used is expressive language act, which is 91 times. However, declarative speech acts are not used in this show. This finding shows that assertive speech act is most often used because the presentation of the context of the story presented is to convey current issues that can be used as an example and benefit society.

Keywords: Speech acts, emotion interpretations, comedy, Sepahtu Reunion Live 2020 show, Searle (1969)

*Correspondence to: Aminnudin Saimon (email: deanamin@iium.edu.my)

1.0 PENGENALAN

Lakuan pertuturan (seterusnya LP) sering terjadi dalam komunikasi seharian masyarakat, termasuk semua jenis medium komunikasi. Hal ini demikian kerana, dalam setiap pertuturan seseorang mengandungi pelbagai bentuk maklumat yang disampaikan. Di samping itu, LP berada dalam bidang pragmatik, iaitu melihat makna berdasarkan konteks. Jadi, setiap konteks itu menentukan sesuatu jenis lakuan. LP boleh menyebabkan perubahan dalam keadaan sedia ada atau boleh menimbulkan kesan kepada lawan bicara (Maslida Yusof *et al.*, 2022). Sebagai contoh seorang murid sedang menyiapkan tugas di dalam kelas, tiba-tiba terdengar suara rakannya sedang bermain di kawasan tersebut, Tolong perlahankan suara, ujaran ini bukan sahaja mengatakan sesuatu tetapi sedang membuat permintaan kepada rakannya itu. Dapat dilihat bahawa, ujaran yang dikawal oleh struktur tatabahasa juga mengatakan lakuan yang ingin disampaikan kepada pendengar semasa berkomunikasi. Menurut Saidatul Nornis (2021), dalam LP ada perkaitannya dengan kata tindak, maka pemilihan kata yang berpadanan dalam interaksi itu penting untuk mewujudkan keselesaan semasa berinteraksi dan berkomunikasi. Hal ini kerana komunikasi yang baik adalah komunikasi yang dapat memahami ujaran yang disampaikan dan diinterpretasi dengan baik oleh pendengar serta mampu memberi kesan kepada emosi pendengar mahupun penutur. Sepahtu Reunion Live (seterusnya SRL20) merupakan rancangan sitkom komedi yang pertama dirakamkan secara langsung di Astro Warna. Lakonan sketsa ini dilakukan di hadapan penonton di dalam studio. Rancangan ini mempersembahkan sketsa berkaitan isu-isu semasa, kisah-kisah sejarah, perkara yang tular dan sebagainya yang berlaku di sekeliling masyarakat. Antara tajuk sketsa yang dilakonan ialah Hikayat Hang Tuah, Selamat Tinggal Ayah, Jejak Kasihan, Kasih di Hujung Usia, Jodoh Pasti Bertemu dan banyak lagi. Kesemua tajuk sketsa yang dipamerkan sarat dengan nilai dan pengajaran yang boleh dijadikan teladan dan panduan hidup untuk masa akan datang. Rancangan ini membuatkan ramai yang terhibur dengan gelagat dan dialog yang disampaikan oleh pelakon, namun rancangan ini masih lagi mengekalkan identiti dan aura positif untuk disebarkan kepada masyarakat yang menonton. Selain itu, rancangan komedi SRL ini mula disiarkan pada tahun 2016 hingga 2023. Pada setiap minggu, sketsa ini mempunyai pelakon tambahan yang berlainan dan diberi tugas untuk menggalas watak yang diberikan. Pelakon tambahan ini akan beraksi bersama-sama pelakon utama, iaitu daripada Kumpulan Sepahtu yang terdiri daripada Jep, Shuib, Rahim serta pelakon tambahan setiap minggu, iaitu Pak Ya dan Man Raja Lawak. Jelaslah bahawa setiap penghasilan yang bertemakan komedi, semestinya dapat menerapkan penggunaan bahasa halus yang baik sekali gus mampu memberi pengajaran melalui mesej-mesej tersirat yang disampaikan (Nor Izzah A. Wahab, 2023). Kenyataan dikuatkan lagi oleh Aminnudin Saimon (2019) mengatakan bahawa keberkesanan sesuatu komunikasi bergantung pada tahap kejelasan, kefahaman, konteks, kognitif dan struktur ayat yang digunakan. Penghasilan sesuatu ujaran memberi impak kepada pendengar untuk memberi respon terhadap ujaran yang dinyatakan.

Maslida Yusof (2020) mengatakan bahawa aksi sosial dalam pertuturan merujuk kepada perlakuan bahasa yang berfungsi sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan maklumat dengan pelbagai tujuan. Hal ini kerana LP mempunyai makna tersendiri yang dilafazkan oleh penutur yang sukar difahami dan ditentukan mengikut pengkategorian LP mengikut konteks budaya Melayu. Menurut Abd. Ganing Laengkang (2018), LP juga merupakan salah satu nilai sosio budaya yang bersifat universal dan sejagat, namun berbeza dengan budaya yang lain. Oleh itu, setiap perlakuan penutur dipengaruhi oleh pemboleh ubah sosial seperti kuasa, jarak, budaya, topik, gender dan sebagainya (Aminnudin Saimon, 2019). Hal ini dapat dilihat bahawa dalam sketsa komedi yang dikaji mempunyai pelbagai jenis LP dalam menyampaikan hajat komunikasi. Penghasilan rancangan komedi itu haruslah dapat mendidik dan

memperkembangkan keintelektualan masyarakat dalam pelbagai aspek, di samping mengangkat nilai budaya dan bahasa.

Rancangan televisyen diterbitkan bukan sekadar untuk menghiburkan masyarakat semata-mata, malah untuk dijadikan anutan dan panduan dalam kehidupan. Setiap cerita yang dipersembahkan mempunyai mesej yang tersirat berserta pengukuhan emosi untuk disampaikan kepada penonton. Hal ini dapat dilihat bahawa lakuan bahasa menjadi wadah untuk mengekspresikan emosi yang mendalam. Bukan itu sahaja, lakuan bahasa juga dapat dipengaruhi oleh konteks dan budaya. Setiap manusia memiliki cara yang berbeza untuk berkomunikasi dan mengekspresikan emosi. Oleh sebab itu, emosi dalam berkomunikasi penting bagi menentukan corak pertuturan seseorang. Hal ini sejajar dengan kenyataan Maizatul Haizan Mahbob dan Noor Afzaliza Nazira Ibrahim (2017) yang menyatakan bahawa kecerdasan emosi yang baik mampu membuatkan seseorang merasakan, memahami dan menggunakan emosi secara manusiawi. Oleh itu, emosi yang baik, mampu menjadikan sesuatu ujaran bersifat positif. Tamsilnya, dengan mengujarkan perkataan “sila” sudah menandakan seseorang itu sedang mengalu-alukan kedatangannya dengan rasa berbesar hati. Penggunaan emosi mampu meningkatkan daya komunikasi kerana ujaran yang dilafazkan dapat mencorak intonasi yang boleh diterima oleh pendengar. Lain pula jika penutur menggunakan kata kerja dalam memulakan ujaran. Sebagai contoh “masuk”. Hal ini dapat dilihat, penutur sedang marah dan rasa berbelah bahagi tentang sesuatu perkara sehingga membuatkan pendengar kurang senang dengan pelawaan yang diujarkan. LP dan emosi amat diperlukan antara satu sama lain dalam menyampaikan sesuatu ujaran agar komunikasi dua hala mampu memberi tindak balas yang bersesuaian selari dengan hajat komunikatif.

1.1 PENYATAAN MASALAH

Bahasa berupaya untuk menyalurkan dan menukarkan maklumat sama ada disampaikan dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Keberkesanan berbahasa bergantung pada struktur ayat penutur dalam berkomunikasi. Seajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Noor Marina Yunus dan Nor Azwahanum Nor Shaid (2023) yang mengatakan bahawa bahasa merupakan alat perhubungan yang digunakan oleh masyarakat untuk menyampaikan kehendak yang diperlukan dan dituturkan dalam komunikasi dua hala. Justeru, penguasaan dalam bahasa terutamanya LP adalah perlu untuk memastikan proses penyampaian maklumat berlaku bersama-sama dengan perlakuan supaya konteks yang disampaikan mudah difahami oleh pendengar. Perkara ini memperlihatkan bahawa penggunaan LP dapat meyakinkan dan mengubah persepsi audien. Bertitik tolak daripada isu tersebut, permasalahan yang timbul ialah sesuatu isu yang berlaku dalam rancangan bergenre komedi tidak dapat disampaikan kepada pendengar disebabkan pendengar gagal untuk menginterpretasikan mesej atau isu yang disampaikan. Penyampaian mesej melalui LP dapat dicapai, sekiranya penutur dapat menyampaikan mesej dengan baik dan difahami oleh pendengar.

Penggunaan LP yang digunakan dilihat sebagai satu bentuk komunikasi yang berpengaruh, di samping pembentukan ayat yang ringkas dan jelas. Keberkesanan LP bergantung pada penggunaan ayat yang pendek, ringkas dan mudah difahami oleh pendengar. Hal ini demikian kerana, ayat yang pendek dan ringkas dalam lakuan bahasa akan membuatkan pendengar lebih fokus dan bertindak selari dengan ujaran yang disampaikan. Dalam dunia komedi, terdapat banyak ujaran yang terlalu panjang, meleret dan tidak jelas semasa watak berkomunikasi dengan watak yang lain. Hal ini disokong oleh Aminnudin Saimon (2019) aspek kejelasan penyampaian sesuatu ujaran yang dihasilkan oleh penutur kepada pendengar perlulah mempunyai ayat yang jelas dan penggunaan ayat yang bersesuaian supaya pendengar memahami makna ujaran yang disampaikan. Namun begitu, kebanyakan rancangan televisyen bergenre komedi,

penutur mengujarkan dialog yang laju dan terlalu meleret dalam menyampaikan sesuatu bahan jenaka menyebabkan penonton tidak dapat menginterpretasikan makna sebenar penutur. Hal ini boleh menyebabkan-pendengar akan menjadi kurang fokus terhadap penyampaian lawak sehingga lawak tersebut menjadi hambar dan penonton akan mula rasa bosan. Oleh itu, lakukan bahasa yang menggunakan ayat yang pendek dan ringkas dalam menyampaikan hajat komunikatif lebih mudah difahami, berbanding dengan ayat yang panjang dan kompleks (Aminnudin Saimon, 2019).

Kajian LB banyak dijalankan dan memberi fokus kepada isu bahasa dan budaya seperti kajian daripada Aminnudin Saimon dan Siti Nur Adibah Sabarudin (2020) yang memberi fokus kepada video infografik, Kajian Nur Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) berkaitan komunikasi, Hussein, Saad, dan Yabber (2020) berkaitan strategi permohonan maaf, Budiarta, Nurkamto, Sumarlam dan Dwi Purnanto (2021) mengkaji lakuan bahasa dari sudut proses kaunseling. Daripada kajian yang dinyatakan, kajian yang memberi fokus kepada perkaitan lakuan bahasa dengan penginterpretasian emosi tidak dijalankan secara meluas. Kajian seperti ini perlu diperluas kerana setiap ekspresi dan emosi sangat berkait rapat dengan lakuan bahasa yang sering diujarkan dalam sesuatu komunikasi.

Kemahiran menggunakan bahasa sebagai alat untuk menguruskan emosi berkembang seiring dengan peredaran masa. Sesetengah individu ingin mengekspresikan perasaannya dengan cara berkomunikasi dengan orang lain yang boleh membantu dalam pengurusan emosi. Emosi dan lakuan bahasa mempunyai pertalian yang kukuh untuk menyampaikan mesej secara berkesan dan mampu untuk menjadikan komunikasi yang efektif. Dapat dilihat bahawa, emosi mencakup pelbagai perasaan atau keadaan seperti kegembiraan, sedih, takut, marah, cinta, rindu, kecewa dan sebagainya. Emosi juga merupakan unsur yang sangat penting dalam kehidupan manusia dan berperanan dalam memproses pengambilan keputusan, interaksi sosial dan kesejahteraan mental. Seajar dengan itu, pembentukan emosi ini merupakan sesuatu yang mencerminkan keadaan emosi seseorang pada masa tertentu bergantung pada situasi atau keadaan yang dialaminya (Maggelina anak Bungi, 2021). Oleh sebab itu, setiap tingkah laku seseorang mampu mempengaruhi emosinya sendiri. Perhubungan yang baik atau sebaliknya bergantung pada ujaran emosi yang dilontarkan oleh penutur. Setiap ujaran mempunyai padanan emosi, tujuan dan tindakan dalam situasi tertentu untuk menyampaikan hajat komunikatif sehingga memberikan kesan kepada pendengar untuk bertindak.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, tujuan kajian adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Menganalisis interpretasi emosi berdasarkan lakuan pertuturan dalam SRL20.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Dalam kajian berkaitan LP, terdapat pelbagai kajian yang dijalankan bagi mencapai pelbagai objektif dan bidang. Antaranya ialah kajian daripada Aminnudin Saimon (2021) yang menjalankan kajian LP dalam filem, kajian daripada Aminnudin Saimon, *et al.*, (2021) berkaitan LP arahan, kajian Septi Nur Azizah dan Rustono (2020) berkaitan LP pidato dan kajian daripada Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019)

berkaitan LP ceramah agama. Daripada kajian-kajian yang dinyatakan, jelaslah LP mempunyai banyak peranan dan fungsi dalam sesuatu tujuan komunikasi seperti dalam filem, ceramah agama dan pidato. Penggunaan LP dalam tujuan yang berlainan akan membentuk kekerapan dan jenis LP yang berbeza. Seperti yang dinyatakan oleh Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) dalam ceramah agama LP yang paling kerap digunakan ialah LP asertif yang menghendaki peserta komunikasi untuk memberikan maklumat, melaporkan, menyatakan dan sebagainya. Justeru, kajian yang berkaitan dengan penginterpretasian emosi dan LP masih kurang dijalankan dan oleh sebab itu pengkaji mengambil inisiatif memanfaatkan bidang seni untuk menjalankan kajian ini.

Kajian LP ini dilihat semakin berkembang dan banyak dikaji mengikut peredaran zaman. Kajian Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon (2021) yang menjalankan kajian berkaitan video infografik yang menunjukkan bahawa penggunaan LP sangat memberi kesan terhadap pemahaman dan penerimaan maklumat oleh masyarakat. Selain itu, kajian LP yang memperlihatkan hubungan kait antara emosi dengan LP turut menjadi tumpuan pengkaji seperti yang dijalankan oleh Young Anna Argyris *et al.*, (2021). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan dan penerapan LP dalam komunikasi sangat memberi kesan sama ada positif atau negatif.

Berdasarkan kajian LP yang disorot, jelas menunjukkan bahawa kajian LP ini adalah pelbagai, dinamik dan universal. Namun demikian, kajian yang menjurus kepada perkaitan LP dengan emosi masih lagi kurang dijalankan dan perlu dipergiat. Hal ini kerana dewasa ini pelbagai permasalahan berkaitan emosi dan mental menjadi topik utama. Penerapan dan pengaplikasian LP sangat penting dalam menyejahterakan komuniti dan meningkatkan kesedaran penggunaan bahasa dalam komunikasi harian.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif, iaitu kajian berdasarkan analisis kandungan teks. Menurut Kalbin Salim (2018) kualitatif merupakan kajian yang mengandungi peristiwa, aktiviti sosial, persepsi, pemikiran seseorang mahupun kelompok. Kajian kualitatif ini juga menekankan proses dan kandungan tidak diuji atau diukur dari segi kuantiti. Pendekatan yang digunakan dengan menghuraikan data berdasarkan penilaian literatur dengan cara mendengar, mentranskripsi, mengelaskan mengikut jenis lakuan bahasa yang terdapat dalam rancangan televisyen komedi SRL20. Penyelidikan dalam kaedah analisis kandungan teks ini melibatkan pemilihan watak yang mengujarkan ujaran saling memahami dalam menyampaikan sesuatu konteks. Dialog-dialog yang dikeluarkan akan melalui satu proses pengekodan atau pelabelan supaya lebih jelas objektif yang hendak dicapai. Pengekodan adalah daripada lembaran yang disediakan oleh pengkaji berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam kajian-kajian dijalankan (Nur E'zzathul Hamizah Mukhtar dan Roslinda Rosli, 2022). Penyelidikan ini hanya menggunakan LP dalam dialog yang dilafazkan oleh watak dalam setiap babak. Keberkesanan sesuatu ujaran itu, bergantung pada kebolehan pragmatik dan penyampaian penutur agar pendengar dapat memahami setiap kata-kata sehingga mampu mewujudkan emosi yang hendak disampaikan oleh penutur.

Selari dengan fokus kajian, iaitu ujaran, maka bahan penyelidikan yang digunakan ialah rancangan komedi, iaitu petikan dialog, perbualan, ujaran yang terdapat dalam rancangan SRL20. Dalam konteks kajian ini, pengkaji membataskan SRL20 pada tahun 2020. SRL20 memperoleh anugerah Seri Angkasa 2020 dan memenangi kategori Komedi TV Terbaik. Penganugerahan tersebut telah membuka mata masyarakat bahawa SRL20 merupakan rancangan yang berkualiti. Hal ini juga telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji jenis LP oleh Searle (1969) yang terdapat dalam rancangan komedi ini. Di samping itu,

penyelidik membataskan kajiannya dengan rancangan sketsa komedi SRL20 sahaja. Kajian ini tertumpu pada episod satu (E1), episod dua (E2) dan episod tiga (E3) sahaja. Selain itu, kelainan yang dibawa dalam rancangan ini adalah setiap episod dihadiri oleh artis jempitan yang berlainan dengan tajuk-tajuk sketsa berkaitan isu semasa dan isu yang menjadi tumpuan masyarakat. Dalam penyelidikan ini, pembawakan emosi yang dibawa oleh setiap watak bagi memenuhi konteks penceritaan memainkan peranan penting supaya dialog yang hendak disampaikan dapat difahami oleh pendengar dan dapat memenuhi hajat komunikatif. Data (seterusnya D) dikumpulkan melalui pemerhatian terhadap rancangan komedi SRL20 kemudiannya setiap ujaran (seterusnya U) akan ditranskripsi kepada bentuk teks. Teks yang sudah ditranskripsi, kemudiannya akan dikelaskan mengikut pengkategorian teori LP Searle (1969) dan seterusnya dianalisis berdasarkan teori LP Searle (1969).

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, dapat dilihat bahawa pelbagai bentuk lakuan bahasa dalam satu ayat yang diujarkan oleh watak ketika berkomunikasi dengan watak yang lain. Penggunaan lakuan bahasa juga berbeza-beza mengikut konteks ayat. Emosi yang ditunjukkan juga mempunyai bermacam-macam emosi untuk menyampaikan sesuatu ujaran. Penyelidik melihat perkembangan emosi dalam setiap episod rancangan komedi SRL20. Seterusnya, perhatikan jadual di bawah yang menunjukkan mengenai lakuan bahasa dan pembawakan emosi setiap konteks cerita yang disampaikan.

Jadual 1 LP dan Pengujaran Emosi dalam SRL20 E1

SRL20			Watak	Ujaran
E1	D1	U1	Syamsul	Ayah, ayah kena faham. <i>Condition</i> buah pinggang ayah tak berapa bagus. Kalau dah rosak tak akan nak gantikan dengan buah rambutan? Benda tu tak boleh ayah
		U2	Hj. Mansor	Takde, apa tanda-tanda buah pinggang rosak?
		U3	Syamsul	Kencing selalu. Ayah, ayah tolonglah jaga makan ayah.
		U4	Hj. Mansor	Tapi ayah marah betul dekat kau, kau tinggikan suara tadi pada pak... pak apa tadi tu?
		U5	Syamsul	Tak tahu apa nama dia ni.
		U6	Hj. Mansor	Pak Kadir! Kau naikkan suara dekat Pak Kadir. Ayah pun tak pernah marah dia tahu tak?
		U7	Syamsul	Dia yang buat saya marah.
		U8	Hj. Mansor	Kau ni sebenarnya, lebih kepada rasa membazir kan? Hantar ayah dialisis tiap-tiap minggu kan? Itu yang kau beria marah ayah apa semua, betul tak? Sebab kau rasa duit kau banyak habis dekat situ?
		U9	Syamsul	Tak ayah, bukan pasal duit. Ayah, tolong lah ayah jaga kesihatan ayah. Ayah ada sorang je dalam dunia ini. Saya sayang ayah!

Dalam D1 terdapat beberapa ujaran yang dapat dilihat mempunyai perkaitan emosi dengan pelbagai jenis LP. Melalui pengungkapan yang diujarkan oleh Syamsul pada U1, iaitu, “*condition* buah pinggang ayah tak berapa bagus” merupakan satu bentuk LP asertif pernyataan. Daripada U1 ini dapat dikenal pasti ujaran tersebut terkandungnya satu bentuk emosi kekhuatiran. Hal ini dapat dilihat pada leksikal ‘*condition*’

dan ‘tidak berapa bagus’. Leksikal ‘tidak berapa bagus’ secara eksplisitnya menjelaskan satu keadaan yang tidak baik dan justeru itu ujaran ini jelas menunjukkan satu emosi asertif dalam SRL20. Rentetan daripada U1 ini, ayahnya, iaitu Haji Mansor sudah mengetahui tentang penyakit yang dialaminya, malah Syamsul ingin mengingatkan kembali jenis penyakit ayahnya supaya lebih berhati-hati dalam memilih makanan mahupun minuman. Ujaran “kalau dah rosak tak akan nak gantikan dengan buah rambutan? Benda tu tak boleh ayah” merupakan satu bentuk pertanyaan yang diajukan kepada pendengar. Lakuan ini tidak hanya bertindak sebagai pertanyaan, tetapi bertindak sebagai LP komisif penolakan. Hal ini dapat dilihat melalui ujarannya “benda tu tak boleh ayah” merupakan satu bentuk penolakan secara langsung.

Seterusnya, ujaran yang diujarkan oleh Syamsul pada U3, iaitu “ayah, ayah tolonglah jaga makan ayah” jelas menunjukkan LP direktif nasihat. Leksikal “tolong” yang dilafazkan menandai lakuan nasihat dengan menunjukkan satu bentuk ujaran nasihat oleh penutur kepada pendengar. Ujaran disambut pada U4 “tapi ayah marah betul dekat kau, kau tinggikan suara” dan U6 “kau naikkan suara dekat Pak Kadir” yang dipengaruhi oleh LP asertif pernyataan. Lakuan pernyataan membawa maksud mengemukakan sesuatu maklumat yang dipercayainya. Dalam hal ini, ayat penyata berfungsi untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal (Siti Khodijah Che Mee, 2020). Dalam U3, U4 dan U6 jelas menunjukkan satu bentuk emosi yang digunakan penutur kepada pendengar. Dalam U3, jelas menunjukkan penutur, iaitu Syamsul mengekspresikan emosi sayang melalui LP nasihat, iaitu ‘ayah, ayah tolonglah jaga makan ayah’. Leksikal ‘tolong’ dalam U3 yang digunakan jelas menunjukkan bahawa Syamsul amat sayangkan Hj. Mansor dengan mengekspresikan LP nasihat ini. Walau bagaimanapun, dalam U4, ujaran Hj. Mansor mengandungi ekspresi dan emosi marah kepada anaknya, iaitu Syamsul dek kerana kelakuan Syamsul yang memarahi Pak Kadir pada U6. Ujaran dalam U4 dan U6 yang menunjukkan emosi marah adalah melalui ujaran ‘kau tinggikan suara’ dan ‘kau naikkan suara dekat Pak Kadir’. Walaupun begitu, dalam U7, Syamsul menjelaskan sebabnya mengekspresikan emosi marah, iaitu melalui ujaran ‘Dia yang buat saya marah’.

Seterusnya, dalam U8 LP direktif pertanyaan yang diujarkan Hj. Mansor menunjukkan emosi komplek atau ketidakselesaan terhadap Syamsul yang kerap memaksa Hj. Mansor menjalankan rawatan melalui ujaran ‘lebih kepada rasa membazir kan? Hantar ayah dialisis tiap-tiap minggu kan? Itu yang kau beria marah ayah apa semua, betul tak? Sebab kau rasa duit kau banyak habis dekat situ?’. U8 Hj. Mansor yang berunsurkan emosi komplek kemudiannya dibalas oleh Syamsul dalam U9 yang merupakan satu bentuk LP penolakan, iaitu melalui ujaran ‘Tak ayah, bukan pasal duit’. Dalam U9 juga Syamsul mengekspresikan satu emosi sayang kepada Hj. Mansor melalui ujaran ‘tolong lah ayah jaga kesihatan ayah. Ayah ada sorang je dalam dunia ini. Saya sayang ayah!’. Ujaran tersebut secara jelas menunjukkan emosi kasih sayang melalui leksikal ‘Saya sayang ayah’. Justeru, dalam D1 ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi antara Syamsul dengan Hj. Mansor mempunyai perkaitan emosi dengan LP. Setiap LP yang dituturkan, penutur dan pendengar pastinya akan menyelitkan unsur emosi dalam komunikasi agar penonton dapat merasai emosi yang disampaikan oleh pelakon melalui LP yang digunakan.

Jadual 2 LP dalam Interpretasi Emosi SRL20 E1

SRL			Watak	Ujaran
E1	D2	U10	Hj. Mansor	Doktor, dia akan sedar, kan?
		U11	Pak Kadir	Doktor, kenapa dia berselubung ni doktor?
		U12	Dr. Hamzah	Saya sebenarnya tak sampai hati nak cakap. Dia tak dapat nak diselamatkan.
		U13	Hj. Mansor	Syamsul!!! Aku dah kata jangan buat!
		U14	Pak Kadir	Sabar, ini ketentuan Tuhan. Sabar. Kuatkan iman.
		U15	Hj. Mansor	Anak abah, sayang...Sul!! Syamsul!!! Sul, kenapa lucu mukanya Sul. Ini lah kehidupan seorang pelawak, dah mati pun lawak
		U16	Dr. Hamzah	Dah, dah. Sabar ya
		U17	Hj. Mansor	Yang akan nangis kehilangan seseorang itu adalah ahli keluarganya. Kawan-kawan masih boleh ketawa, masih boleh mengeteh, tapi ayah ada di sini buat selamanya.

Jadual 2 merupakan sketsa komedi SRL20 E1 yang mempunyai LP mengikut ujaran penutur. Dalam D2 U10 dan U11, terdapat dua LP dalam satu ayat, iaitu LP ekspresif sapaan “doktor” dan LP direktif pertanyaan “dia akan sedar, kan?” dan “kenapa dia berselubung ni doktor?”. Daripada ujaran Hj. Mansor dalam U10, iaitu “dia akan sedar, kan?” merupakan satu bentuk pengesahan melalui ayat tanya. Lakukan pertanyaan ini berharap penutur melakukan sesuatu terhadap hajat komunikatifnya, iaitu menuntut kepastian berdasarkan pertanyaan yang diujarkan kepada pendengar. Oleh hal yang demikian, penutur juga ingin mengenal pasti sama ada masih hidup atau sebaliknya dan masih mengharapkan perkhabaran yang positif daripada pendengar. LP direktif tersebut kemudiannya dibalas oleh Dr. Hamzah dalam U12 melalui ujaran “saya sebenarnya tak sampai hati nak cakap. Dia tak dapat nak diselamatkan” merupakan satu bentuk lakukan asertif makluman. Lakukan asertif mempunyai nilai benar dalam sesuatu ujaran. Ujaran yang diujarkan oleh Dr. Hamzah merupakan ujaran secara implisit untuk menjaga sensitiviti keluarga yang terlibat. Leksikal “jangan” dalam U13 merupakan leksikal kata larangan yang digunakan dalam LP direktif permintaan. Ayat larangan merupakan satu keperluan kepada pendengar untuk tidak melibatkan diri dalam tindakan yang ditegah oleh penutur (Aminnudin Saimon, *et al.*, 2021).

Hal ini dapat dilihat bahawa, pembawakan emosi penutur pada awalnya sudah memperlihatkan sesuatu tanda tanya dalam diri tentang keadaan Syamsul selepas membuat pembedahan. Emosi mula menjadi pilu dan sedih apabila Dr. Hamzah memberitahu tentang keadaan sebenar pesakit yang sebenarnya sudah pergi buat selamanya yang terdapat dalam U12. Semasa memberitahu kepada pihak berkenaan, Dr. Hamzah pada awalnya merasa serba salah, tetapi disebabkan tanggungjawab, maka Dr. Hamzah terpaksa amanah dengan berita yang disampaikan olehnya kepada pendengar. Ujaran “Syamsul!!! Aku dah kata jangan buat” pada U13 memperlihatkan bahawa penutur hampa dengan tindakan anaknya yang tidak mendengar kata dan berduka dengan perkara yang terjadi. Dalam asyik melayan perasaan sedih, keadaan persekitaran bertukar menjadi terhibur dan gembira seketika dengan ujaran yang diujarkan “Sul, kenapa lucu mukanya Sul. Ini lah kehidupan seorang pelawak, dah mati pun lawak” dalam U15 oleh Hj. Mansor. Ujaran tersebut telah bertukar *mood* penutur dan pendengar disekelilingnya. Dengan harapan suasana kembali ceria, tetapi dalam U16 yang diujarkan oleh Hj. Mansor “yang akan nangis kehilangan seseorang itu adalah ahli keluarganya. Kawan-kawan masih boleh ketawa, masih boleh mengeteh, tapi ayah ada di sini buat selamanya”. Hal ini dapat dilihat bahawa mesej yang disampaikan oleh Hj. Mansor berbentuk tersirat dan secara tidak langsung memberi nasihat kepada umum yang masih dalam keadaan sebak kehilangan seorang anak.

Jadual 3 Interpretasi Emosi dalam SRL20 E2

SRL			Watak	Ujaran
E2	D3	U18	Mikael	Eh abang, saya ada kawan-kawan, saya pun baru balik Malaysia. Nak jumpa kawan-kawan semua.
		U19	Rusydi	Kawan-kawan boleh teman di dalam kubur ke? Di akhirat nanti kawan-kawan boleh tolong jawabkan untuk kita ke? Pulang ke pangkal jalan, bertaubatlah kamu wahai manusia.
		U20	Mikael	Bang, tapi takkan lah saya tak boleh langsung keluar bercampur dengan kawan semua.
		U21	Rusydi	Takde masalah nak keluar tapi kalau dah sampai keluar 8 malam balik 6 pagi. Ha, kau pergi kelab malam?
		U22	Mikael	Bang, saya nak tanya bang. Misai yang mana satu bang, yang ni ke yang ni bang? Abang beragak sikit bang. Saya tahu saya dah lama tak jumpa abang.
		U23	Rusydi	Ini misai, ini langgar tembok itu hari. Kau jangan main-main dengan aku. Aku abang kau hari ni.
		U24	Mikael	Saya tahu, tapi janganlah ambil kesempatan walau dah jadi abang.

Berdasarkan Jadual 3, data yang diperoleh adalah daripada rancangan komedi SRL20 E2. Dalam D3, melalui lakuan asertif makluman, Mikael mengujarkan ujaran yang memperlihatkan aspek memberi maklumat seperti dalam U18, iaitu “saya ada kawan-kawan, saya pun baru balik Malaysia. Nak jumpa kawan-kawan semua”. Ujaran Mikael dalam U18 ini, menunjukkan satu emosi kehairanan kerana kehendaknya tidak kerap dipersoal oleh Rusydi. Ujaran berunsurkan emosi kehairanan ini kemudiannya dibalas oleh Rusydi dalam U19, iaitu “kawan-kawan boleh teman di dalam kubur ke? Di akhirat nanti kawan-kawan boleh tolong jawabkan untuk kita ke?” yang memperlihatkan LP direktif pertanyaan dan mempunyai unsur-unsur emosi marah. Hal ini dapat dilihat melalui frasa ‘kawan-kawan boleh teman di dalam kubur ke? Di akhirat nanti kawan-kawan boleh tolong jawabkan untuk kita ke?’. Ujaran tersebut secara implisitnya menunjukkan emosi marah kerana adiknya, iaitu Mikael kerap pulang lewat malam. Hal ini dapat dibuktikan melalui U21 yang menjelaskan emosi marah Rusydi pada U19, iaitu ‘Takde masalah nak keluar tapi kalau dah sampai keluar 8 malam balik 6 pagi. Ha, kau pergi kelab malam?’. Walau bagaimanapun, dalam mengekspresikan emosi marah Rusydi dalam U19, Rusydi turut menyelitkan emosi kasih sayang melalui LP nasihat yang diujarkan, iaitu pada U19 melalui ujaran “pulang ke pangkal jalan, bertaubatlah kamu wahai manusia”. Melalui konteks ujaran yang diujarkan, penutur mengetahui kesalahan perbuatan yang dilakukan pendengar, tetapi atas dasar kasih sayang yang mendalam penutur memberikan nasihat supaya lebih berhati-hati dalam memilih kawan. Disebabkan kekaburan ketika memberi ujaran dalam U19, Mikael pada U20 membalas ujaran dengan “takkan lah saya tak boleh langsung keluar bercampur dengan kawan semua”. Dalam ujaran tersebut, terdapat satu bentuk kiasan daripada penutur supaya pendengar memberi peluang untuknya berjumpa dengan kawan-kawan. Hal ini dapat dilihat, ujaran tersebut mengandungi LP permintaan secara tidak langsung. Leksikal “takkan lah saya tak boleh” menggambarkan Mikael sedang berusaha untuk melembutkan hati Rusydi supaya permintaannya diterima. Leksikal “takde masalah nak keluar tapi kalau dah sampai keluar 8 malam balik 6 pagi” dalam U21 memperlihatkan lakuan komisif penolakan yang menunjukkan bahawa sukar untuk Rusydi membenarkan permintaan tersebut. Lalu, disoalnya lagi “kau pergi kelab malam?” merupakan satu direktif pertanyaan kerana keraguannya terhadap Mikael.

Situasi yang suram kerana wujudnya pertelingkahan kecil berakhir dengan satu gelagat yang menghiburkan, iaitu pada U22, “saya nak tanya bang, misai yang mana satu bang, yang ni ke yang ni bang?” merupakan LP direktif. Soalan yang tidak disangka yang akan diberikan oleh penutur, tetapi untuk

mewujudkan suasana yang positif, penutur menyelitikan unsur humor dalam ujarannya. Ujaran dalam U22 “saya tahu saya dah lama tak jumpa abang” memperlihatkan bahawa penutur ingin mengatakan yang peserta komunikasi sudah lama tidak berjumpa, maka banyak perubahan yang terdapat pada diri pendengar yang membuatkan penutur berasa janggal dengan kelainan yang ditunjukkan. Mikael pada U23 menjawab soalan yang diajukan Rusydi tentang misainya, iaitu “ini misai, ini langgar tembok itu hari”. Ujaran ini merupakan LP asertif maklumkan lebih kepada maklumat fakta (Aminnudin Saimon, 2019). Hal ini kerana, penutur menyatakan sesuatu informasi mengenai peristiwa sebenar yang berlaku dan menunjukkan perbezaan antara misai dengan tanda hitam di dahi pendengar. Ujaran dalam U23 “kau jangan main-main dengan aku. Aku abang kau hari ni” merupakan LP asertif pernyataan. Penutur ingin menunjukkan kuasa seorang abang terhadap adiknya. Ujaran Mikael dalam U24 merupakan satu LP asertif makluman melalui ujaran “saya tahu, tapi janganlah ambil kesempatan walau dah jadi abang” yang menunjukkan bahawa frasa ini mempunyai makna walau apa sekalipun keadaannya, adik dan abang perlu ada rasa hormat antara satu sama lain.

Secara harfiahnya, ujaran dalam U19 pelbagai lakuan yang didapati. Soalan yang bertubi-tubi diajukan oleh Rusydi kepada Mikael membuatkan Mikael takut keinginannya untuk berjumpa kawan-kawannya tidak dipersetujui. Namun, emosi Rusydi ketika itu sedang menahan marah kerana kelewatan adiknya pulang lewat ke rumah. Dalam kemarahan yang diekspresikan, ujaran U20 menjadikan penutur tenang sedikit. Hal ini disebabkan oleh pernyataan yang diberikan oleh Mikael membuatkan abangnya berfikir kerelevanan pada ujaran tersebut. Untuk menunjukkan sikapnya sebagai seorang abang, maka ketegasan berlaku demi kebaikan adiknya. Pada ujaran U68, membuatkan Rusydi tersenyum dengan ujaran yang dibalas oleh Mikael dan suasana terus bertukar ceria seketika. Leksikal “kau jangan main-main dengan aku” membuatkan pendengar terdiam kerana pertukaran *mood* yang terlalu cepat dan penutur mengekspresikan dalam keadaan marah kerana pendengar tidak mengambil cakna tentang hajat komunikatifnya.

Jadual 4 Emosi dalam SRL20 E2

SRL			Watak	Ujaran
E2	D4	U25	Mira	Lepaskan saya!
		U26	Kelvin	Apa pasal nak lepas? Muka cun macam ni nak lepas?
		U27	Mira	Saya janji, saya bayar semua hutang bapa saya. Tolong!
		U28	Kelvin	Lu punya bapa hutang, habis mahu bayar macam mana?
		U29	Mira	Bagi saya masa sikit, saya kerja... saya kumpul duit, saya akan bayar semua hutang tu.

Berdasarkan D4, lakuan yang digunakan merupakan lakuan bahasa permintaan secara langsung. Sebagai contoh, dalam D4, melalui lakuan direktif permintaan U25, Mira mengujarkan ujaran yang mengikat pendengar untuk memberi maklum balas dengan melakukan sesuatu, iaitu “lepaskan saya!”. Penggunaan leksikal tersebut merupakan satu bentuk permintaan dan harapan kepada pendengar. Ujaran yang diujarkan oleh Mira kemudiannya difahami oleh Kelvin yang membalas ujaran tersebut dengan LP direktif pertanyaan, iaitu melalui U26 ‘Apa pasal nak lepas? Muka cun macam ni nak lepas?’. Daripada rentetan U25 dan U26, kedua-dua ujaran merupakan ujaran LP yang mengekspresikan emosi yang berbeza. Dalam U25, penutur, iaitu Mira mengekspresikan emosi takut yang diujarkan melalui LP permintaan, iaitu ‘lepaskan saya’, manakala dalam U26 pula Kelvin mengekspresikan emosi yang berbeza, iaitu emosi

kagum. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran Kelvin dalam U26, iaitu ‘Apa pasal nak lepas? Muka cun macam ni nak lepas?’. Emosi kagum dalam U26 dapat dilihat melalui leksikal ‘cun’ yang menjelaskan bahawa Kelvin kagum akan kecantikan Mira.

Rentetan daripada U25 dan U26, kedua-dua ujaran memaparkan bentuk emosi yang berbeza. Sehubungan itu, dalam U27 juga memaparkan satu bentuk peralihan emosi yang berbeza. Jika diperhatikan rentetan dalam D4, emosi Mira dalam U25 menunjukkan emosi takut, namun dalam U27 emosi yang dihasilkan merupakan satu bentuk perjanjian dan pengharapan kepada pendengar melalui ujaran ‘Saya janji, saya bayar semua hutang bapa saya’. Daripada ujaran ini, jelas menunjukkan bahawa Mira telah memberikan satu bentuk emosi pengharapan dan perjanjian kepada Kelvin. Namun begitu, emosi Kelvin berubah daripada kagum (U26) kepada emosi marah (U28). Dalam U28, Kelvin mengujarkan ‘Lu punya bapa hutang, habis mahu bayar macam mana?’ merupakan satu bentuk emosi marah yang dapat dilihat dalam frasa ‘habis mahu bayar macam mana?’. Berdasarkan penjelasan yang diberikan, jelaslah menunjukkan bahawa setiap emosi yang dihasilkan dapat dipengaruhi oleh LP seseorang. Hal ini dapat dibuktikan melalui D4 ini dalam watak Kelvin yang berubah daripada satu emosi kepada emosi yang lain. Perkembangan emosi yang ditunjukkan oleh Mira dalam D4 adalah bersifat dalam ketakutan. Hal ini kerana, tiada seorang yang boleh membantu dirinya untuk melepaskan diri daripada tahanan Kelvin. Perasaan cemas dan sedih jelas ditunjukkan oleh Mira sepanjang berada di situ. Mira melontarkan suara dengan nada yang tinggi kerana dirinya berasa kecewa dengan sikap yang tidak senonoh daripada Kelvin. Dalam masa yang sama, dia memikirkan hutang ayahnya yang perlu diselesaikan. Pada U29, Mira membawa emosi sedih sambil merayu dan berjanji untuk pulang semula wang yang dipinjam oleh ayahnya dan cuba memenuhi permintaan Kelvin. Ujaran itu disambut oleh Kelvin dengan perasaan marah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa situasi berdasarkan jadual di atas merujuk kepada situasi yang tegang. Dalam U29, leksikal “akan” merupakan kata performatif yang diujarkan melambangkan sesuatu masa yang dilakukan pada masa akan datang. Leksikal tersebut juga merupakan satu bentuk kepercayaan pendengar terhadap ujaran perjanjian penutur.

5.0 KESIMPULAN

Dalam konteks kajian ini, watak-watak yang dipersembahkan mempunyai lakuan bahasa melalui lontaran dialog dalam rancangan SRL. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya tindakan antara penutur dengan pendengar akan menjadikan sebuah komunikasi yang jelas dan mudah difahami penonton terhadap konteks yang disampaikan. Penyelidik mendapati bahawa terdapat empat jenis lakuan bahasa Searle (1969) dalam rancangan SRL, antaranya ialah asertif, ekspresif, direktif dan komisif telah dipersembahkan oleh setiap watak-watak yang dilakonkan dalam rancangan komedi SRL melalui ujaran dialog dalam rancangan tersebut. Dapat dilihat bahawa, lakuan bahasa deklaratif tidak terdapat dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, deklaratif merupakan ujaran yang digunakan dalam situasi pengisytiharan, menjatuhkan hukuman dan sebagainya yang memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan semasa (Serale, 1969). Maka, lakuan ini tidak ditemui dalam rancangan SRL kerana rancangan ini lebih kepada satu rancangan hiburan yang tidak mengetengahkan babak-babak yang membawa perubahan kepada dunia.

Daripada hasil kajian yang diperolehi, penyelidik berjaya mencapai kedua-dua objektif kajian dalam “Lakuan Bahasa dan Perkaitannya dengan Perkembangan Emosi dalam Sepahtu Reunion Live 2020”. Penyelidik mendapati bahawa jumlah lakuan bahasa yang paling kerap digunakan dalam rancangan SRL ialah lakuan bahasa asertif. Dalam rancangan SRL, penonton didedahkan dengan unsur-unsur nasihat dan

SRL juga mempersembahkan isu-isu yang berlaku disekeliling masyarakat untuk dijadikan teladan dalam kehidupan seseorang. Selari dengan definisi lakuan bahasa asertif yang mempunyai pelbagai tujuan antaranya makluman, pernyataan, pengakuan dan perdebatan (Searle, 1969). Lakuan bahasa asertif juga memastikan penutur membawa nilai benar dalam mengungkapkan sesuatu. Setiap ujaran yang diujarkan membentuk satu emosi mengikut konteks cerita yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Oleh sebab itu, setiap ujaran yang diujarkan mempunyai pembawakan emosi dalam menyampaikan sesuatu mesej melalui pelbagai perspektif, yang boleh didapati daripada penggunaan kata-kata, intonasi suara dan konteks komunikasi. Gaya penutur menyampaikan ujaran dan penggunaan ayat ketika beremosi mudah mempengaruhi proses komunikasi. Sebagai contoh, penutur yang dalam keadaan marah, cenderung menggunakan kata-kata yang lebih tajam atau kasar, sementara orang yang sedang berseronok berkemungkinan menggunakan kosa kata yang positif.

Dengan penuh keteperincian, keseluruhan dapatan juga menunjukkan bahawa ragam emosi yang terdapat dalam lakuan asertif dipengaruhi oleh kehadiran penggunaan kata-kata yang berbaur dengan nuansa positif dan negatif. Ujaran-ujaran yang dilafazkan bukan sahaja berperanan dalam membangkitkan emosi penutur sahaja, malah berjaya mengundang maklum balas emosional yang mendalam daripada pihak pendengar. Setiap ujaran dianggap sebagai tindakan, dan hubungan antara penutur dan pendengar. Penutur memiliki niat tertentu dengan melibatkan pendengar dalam suatu tindakan atau tindak balas tertentu. Namun, pemahaman pendengar tidak hanya mencakup makna kata-kata secara individu, tetapi juga mendatangkan makna global dari tindakan atau maksud penutur. Oleh sebab itu, tindakan dan ujaran yang dilakukan membawa emosi yang tersebdiri berdasarkan konteks yang diujarkan. Secara lazimnya, pemahaman komprehensif melibatkan makna, niat dan tujuan setiap ujaran sehingga dapat menciptakan hubungan linear antara lakuan bahasa, makna ujaran dan pemahaman pendengar.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan hasil kerjasama antara pensyarah dengan pelajar projek ilmiah tahun akhir. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Che Nur Aisyah Che Salehuddin atas kerjasama dan usaha untuk menerbitkan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

Abdul Haning Laengkang, *et al.* (2019). Lakuan Bahasa Ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet. Cc. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 4(5), 19–27.

- Abd. Ganing Laengkang. (2018). Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1), 2018.
- Aminnudin Saimon *et al.* (2021). Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA*, 12(1), 63–78.
- Aminnudin Saimon. (2019). *Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih*. Tesis PhD. Serdang: Selangor.
- Argyris, Y. A., Monu, K., Kim, Y., Zhou, Y., Wang, Z., & Yin, Z. (2021). Using Speech Acts to Elicit Positive Emotions for Complainants on Social Media. *Journal of Interactive Marketing*, 55, 67–80.
- Azianura Hani Shaari. (2020). Accentuating Illocutionary Forces: Emoticons as Speech Act Realization Strategies in a Multicultural Online Communication Environment. *3L: Language, Linguistics and Literature. The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. 26(1), 135–155.
- Budiarta, T., Nurkamto, J., Sumarlam, dan Purnanto, D. (2021). Expressive Speech Acts of Politeness in the Counseling Process. *Langkawi: Journal of the Association for Arabic and English*, 7(2).
- Cyrrill Frederick Ganing, Mohammad Mujaheed Hassan, & Wan Nur Nazihah. (2020). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tekanan Kerja di kalangan Kakitangan Hospital Kerajaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 151–177.
- Hussein, D. H., Saad, H. L., dan Yabber, W. S. (2020). The Influence of Speech Act on the Apology Strategy: Moderating Role of Expression of Emotions. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 14(7), 2020.
- Mohamad Aswadi & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Struktur Bahasa dalam Situasi Banjir di Kelantan dari Sudut Lakuan Pertuturan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 3(3), 17–25.
- Muhammad Zuhair Zainal, *et al.* (2019). Lakuan Lokusi Guru Agama Bangsa Melayu. *Al-Hikmah*, 11(1), 22–40.
- Normah Ahmad, *et al.* (2020). Lakuan Bahasa Permintaan Dalam Kalangan Pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*. 24(2), 1–16.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, Maslida Yusof, & Ammar Redza Ahmad Rizal. (2022). Peranan Ketua dalam Komunikasi Kumpulan Kecil: Analisis Strategi Lakuan Bahasa Direktif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(2), 164–181.
- Nurul Syuhada dan Maslida Yusof. (2019). Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama. *Akademika*. 89(Isu Khas/Special Issue), 41–53.
- Searle, J. R. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. New York: Cambridge University Press.
- Septi Nur Azizah & Rustono (2020). Tuturan Ilokusi dalam Wacana Pidato Kampanye Prabowo Subianto pada Pemilu 2019. *Jurnal Sastra Indonesia*, 9(2), 144–150.
- Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri. *JURNAL BAHASA*. 21(2). 325–352.